

08 FEB 2001

Sabah-Giliran (Fokus Berita)

DR MAHATHIR BAKAL JAWAB TEKA-TEKI MENGENAI PENGGILIRAN?

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 8 Feb (Bernama) -- Apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba untuk lawatan dua hari ke Sabah hujung minggu ini, ramai yang berpendapat beliau turut membawa bersamanya jawapan kepada teka-teki berhubung sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Ketika tempoh bagi jawatan Ketua Menteri sekarang masih berbaki kira-kira dua bulan, pemerhati politik di Sabah mengharapkan Dr Mahathir untuk sekurang-kurangnya memberi sedikit bayangan mengenai masa depan sistem itu.

Apabila ditemui pemberita mengenai isu itu ketika beliau singgah sebentar di sini selepas mengakhiri lawatan di Osaka, Jepun baru-baru ini, Dr Mahathir berkata: "Saya belum membuat keputusan."

Apa yang jelas, sehingga kini belum ada kepastian mengenai sama ada sistem itu akan diteruskan atau sebaliknya. Dan jika diteruskan seperti sebelum ini, yang menjadi persoalan seterusnya ialah siapa yang bakal dilantik ke jawatan itu?

Sehingga semalam, masih ada cubaan untuk mendesak agar sistem itu dimansuhkan kerana sistem itu dikatakan tidak lagi mendapat sokongan majoriti rakyat Sabah.

Usaha terbaru itu dikemudi oleh sebuah jawatankuasa bertindak -- Kumpulan Belia Pencinta Nusa (Cintanusa) -- yang akan menghantar memorandum kepada Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai bagi meminta supaya sistem itu dimansuhkan.

Memorandum yang sama juga akan disampaikan kepada Dr Mahathir semasa lawatan Perdana Menteri itu.

Menurut Pengerusi Cintanusa Zulkarnain Mahdar: "Berdasarkan maklumat balas yang diterima setakat ini, majoriti rakyat Sabah menolak sistem penggiliran Ketua Menteri."

Sistem itu diperkenalkan selepas Barisan Nasional (BN) membentuk kerajaan negeri pada 1994 bagi memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah

-- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- menerajui kerajaan negeri, bagi tempoh dua tahun seorang.

Spekulasi mengenai apa yang dapat dijangka daripada lawatan Perdana Menteri ke Sabah kali ini hampir sama dengan satu situasi pada lawatan singkat beliau ke sini pada 7 Mei 1998, kira-kira dua minggu sebelum berakhir kuota bagi kaum Cina yang ketika itu diwakili Datuk Yong Teck Lee.

Walaupun ketika itu sudah diketahui bahawa sistem itu akan diteruskan, yang menjadi persoalan ialah siapa antara dua pemimpin Kadazandusun yang bakal menggantikan Yong.

Mereka yang disebut-sebut ketika itu ialah Presiden Parti Demokratik Sabah (sekarang UPKO) Tan Sri Bernard Dompok dan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Datuk Joseph Kurup (sekarang Tan Sri).

Kedua-dua mereka menjadi sebutan kerana masing-masing mempunyai kelebihan -- Dompok dengan kekuatan PDS daripada segi jumlah wakil rakyat iaitu 11 orang manakala Kurup pula berdasarkan kedudukan kanan beliau dalam kabinet sebagai Timbalan Ketua Menteri.

Bagaimanapun, Dr Mahathir ketika itu memberitahu persidangan berita yang penuh sesak bahawa: "Saya tidak akan mengumumkan nama Ketua Menteri yang baru hari ini".

Teka-teki itu bagaimanapun terjawab kira-kira seminggu kemudian dengan keputusan memihak kepada Dompok, yang kini Menteri di Jabatan Perdana

Menteri.

Menurut perancangan awal, jika sistem itu diteruskan selepas kuota Bumiputera Islam ketika ini, maka ia akan diwakili oleh seorang pemimpin daripada kaum Kadazandusun.

Jika demikian halnya, situasi ini hampir merupakan "ulang tayang" spekulasi "Dompok atau Kurup" pada 1998, menurut pemerhati politik tempatan.

Cuma yang berbeza kali ini ialah PBRS pula yang merupakan parti yang mempunyai anggota Dewan Undangan Negeri yang lebih ramai selepas wakil rakyat Bingkor, Datuk Dr Jeffrey Kitingan dan lima yang lain menyertai parti itu.

UPKO pula mempunyai seorang pemimpin kanan dalam kabinet negeri iaitu Datuk Wilfred Bumburing, Timbalan Ketua Menteri.

Sekiranya kekuatan perwakilan dalam Dewan Undangan Negeri diambil kira, persoalan yang bermain di fikiran ramai termasuklah sama ada keadaan yang sebaliknya pula akan berlaku kali ini yang menyebelahi PBRS dengan pemimpin daripada parti itu pula dilantik menduduki kerusi panas itu?

Menurut aturcara awal lawatan Perdana Menteri ke Sabah, beliau antara lain akan bertemu Badan Perhubungan Umno Negeri termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita pada Ahad, hari pertama lawatannya.

Beliau juga dijadual mengadakan perjumpaan sekali lagi dengan beberapa cawangan terpilih di bahagian pantai barat Sabah pada hari yang sama.

Walaupun pertemuan dengan Umno negeri merupakan agenda yang lazim dihadiri Perdana Menteri setiap kali melawat Sabah, satu sumber berkata pertemuan kali ini bagaimanapun dianggap sebagai mempunyai signifikan tersendiri.

Menurut beliau antara perkara yang dijangka dibincangkan pada perjumpaan tertutup antara Dr Mahathir dan Umno negeri itu ialah isu penggiliran Ketua Menteri.

Seorang anggota penerangan sebuah bahagian Umno negeri pula beranggapan bahawa apapun keputusan Perdana Menteri berhubung sistem itu ia pasti akan diterima oleh rakyat akhirnya.

"Apa yang penting ialah pengumuman oleh Perdana Menteri supaya rakyat tidak terus tertanya-tanya seperti sekarang ini," kata beliau.

-- BERNAMA

JS NMO